

29/05/1997

Belia disaran ceburi kerjaya IT

KUALA TERENGGANU, Rabu - Belia masa kini dan akan datang disaran tidak terlalu bergantung peluang makan gaji di sektor swasta, sebaliknya melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran untuk membina kerjaya di bidang teknologi maklumat (IT).

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata mereka perlu berkeyakinan diri dan bertekad untuk menjadi belia yang mahir dalam penggunaan komputer dan IT.

Beliau berkata, era Koridor Raya Multimedia (MSC) dan IT menuntut belia membuat persediaan lebih rapi, termasuk mahir dalam penggunaan komputer.

"Penggunaan komputer secara lebih menyeluruh mengurangkan peluang belia yang tidak berkemahiran dalam bidang berkenaan," katanya berucap pada majlis sambutan hari dan minggu belia peringkat negeri di Stadium Negeri, di sini hari ini.

Wan Mokhtar berkata, jika diteliti mengenai penubuhan Bandaraya Pintar Cyberjaya, belia seharusnya memikirkan peluang mereka dalam pembangunan itu.

"Cyberjaya yang membabitkan kawasan 7,000 hektar dijangka siap sepenuhnya pada 2005 dan didiami 240,000 penduduk, termasuk 10,000 penduduk pintar, berkemahiran tinggi, khusus di bidang teknologi maklumat," katanya.

Beliau berkata, belia perlu membuat persediaan jika tidak mahu menjadi golongan terpinggir dengan kemajuan era teknologi maklumat dan MSC.

"Sekurang-kurangnya mahir dalam penggunaan komputer sudah memadai untuk menjadikan kita tidak terpinggir dengan kemajuan pesat di bidang itu," katanya.

Wan Mokhtar berkata, pelajar sekolah dan penuntut Institusi Pengajian Tinggi pula perlu menganggap cabaran itu sebagai peluang mereka meriah kejayaan.

"Jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pelopor MSC dan Cyberjaya pertama dunia, sekurang-kurangnya belia pada hari ini dan akan datang menjadi pewaris kemajuan bidang berkenaan," katanya.

(END)